

# »» **BANK** »» **SOALAN**

## **SEJARAH**

Tingkatan


**2**

KSSM

## Bahagian A

### Bab 1 Kerajaan Alam Melayu

1. Rajah berikut berkaitan dengan konsep Alam Melayu.



Apakah X?

- A Sejarah
  - B Bahasa
  - C Penduduk
  - D Pendapat tokoh
2. Siapakah yang mendefinisikan konsep Alam Melayu dari sudut budaya?
- A Profesor Dr. Ding Choo Ming
  - B Dato' A. Aziz Deraman
  - C Abdul Hadi Haji Hassan
  - D Sutan Takdir Alisjahbana
3. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu.

- Pusat kerajaan di Indrapura.
- Diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.

Apakah kerajaan tersebut?

- A Kerajaan Kedah Tua
  - B Kerajaan Champa
  - C Kerajaan Angkor
  - D Kerajaan Funan
4. Apakah aktiviti yang dikaitkan dengan kemasyhuran Kedah Tua?
- A Penerokaan
  - B Keagamaan
  - C Ketenteraan
  - D Perdagangan

### Bab 2 Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

5. Apakah gelaran yang digunakan oleh raja-raja Angkor?
- A Maharaja
  - B Dewaraja
  - C Kurung Bnam
  - D Raja di gunung

6. Antara berikut, yang manakah peranan para pembesar dalam kerajaan Champa?
- I Mengutip cukai
  - II Menjaga keamanan
  - III Menguruskan keagamaan
  - IV Menguruskan hal perdagangan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
7. Sebahagian besar kawasan Alam Melayu ditanam dengan padi.  
Apakah peranan pemerintah kerajaan Angkor untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi?
- A** Membina daik  
**B** Membina *baray*  
**C** Melantik Ketua Air  
**D** Menyelenggara tasik
8. Apakah faktor kemajuan perdagangan di Alam Melayu?
- A** Kekayaan hasil hutan  
**B** Bahasa yang serumpun  
**C** Kemudahan pelabuhan  
**D** Berhampiran dengan sungai

### Bab 3 Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu


9. Apakah bahasa yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Funan?
- A** Khmer  
**B** Sanskrit  
**C** Jawa Kuno  
**D** Bahasa Melayu
10. Senarai berikut adalah antara kesusasteraan yang diminati oleh masyarakat Alam Melayu.

- *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*
- *Hikayat Iskandar Zulkarnain*
- *Hikayat Bulan Berbelah*

Apakah perkembangan yang membawa kepada keadaan tersebut?

- A** Kemajuan pendidikan  
**B** Penggunaan tulisan Jawi  
**C** Kedatangan mubaligh Islam  
**D** Penyebaran Islam ke Alam Melayu
11. Seni bina yang manakah terdapat dalam kerajaan Majapahit?
- I Candi
  - II Pintu gerbang
  - III Patung Buddha
  - IV Binaan kapal besar
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

12. Rajah berikut menunjukkan struktur sosial masyarakat Alam Melayu.



Siapakah yang menganggotai golongan diperintah?

- I Askar
  - II Pedagang
  - III Ilmuan
  - IV Pendeta istana
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

#### **Bab 4** Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

13. Apakah kepercayaan awal masyarakat kerajaan Alam Melayu?

- A** Hindu
- B** Buddha
- C** Kristian
- D** Dinamisme

14. Gambar berikut menunjukkan monumen penting kerajaan Angkor.



Apakah kepentingan monumen tersebut terhadap kerajaan Angkor?

- A** Istana
- B** Pusat pemerintahan
- C** Candi agama Hindu
- D** Candi agama Buddha

15. Bagaimanakah pemerintah menjalinkan hubungan diplomatik bagi memelihara kedaulatan kerajaan?
- I Penaklukan
  - II Perdagangan
  - III Perkahwinan
  - IV Bantuan ketenteraan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
16. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Alam Melayu memajukan kegiatan ekonomi?
- I Mencipta sistem pengairan
  - II Memanfaatkan kesuburan tanah
  - III Menguasai ekonomi kerajaan lain
  - IV Menarik kedatangan pelabur asing
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

## Bab 5 Kesultanan Melayu Melaka

17. Melaka mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit bukau.  
Apakah peranan bentuk muka bumi tersebut kepada Kesultanan Melayu Melaka?
- A** Menjadi panduan kapal dagang  
**B** Mengawal laluan kapal dagang  
**C** Mengawal kemasukan pedagang asing  
**D** Terlindung daripada tiupan angin monsun
18. Antara berikut, yang manakah peranan *Hukum Kanun Melaka* kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
- I Tatacara berjual beli
  - II Mewujudkan keamanan
  - III Menjamin keselamatan rakyat
  - IV Aktiviti perdagangan berjalan lancar
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
19. Bagaimanakah pengiktirafan dan perlindungan dari China dapat membantu Melaka?
- A** Mengekalkan kedaulatan  
**B** Meluaskan jajahan takluk  
**C** Mengembangkan agama Islam  
**D** Menyelesaikan masalah persengketaan dalaman
20. Apakah faktor utama yang menyebabkan perpecahan rakyat Melaka sehingga membawa kepada kemerosotannya?
- A** Kemerosotan ekonomi  
**B** Kelemahan pemerintah  
**C** Hasutan orang Portugis  
**D** Persaingan kuasa antara pembesar

## Bab 6 Kesultanan Johor Riau

21. Mengapakah Aceh menyerang Johor dalam Perang Tiga Segi?
- A Usaha memonopoli perdagangan
  - B Kerjasama Johor dengan Portugis
  - C Menguasai Selat Melaka
  - D Perdagangan tergugat
22. Antara berikut, yang manakah kepentingan Batu Sawar kepada Kesultanan Johor Riau?
- I Pusat kebudayaan
  - II Pusat perdagangan
  - III Pusat pemerintahan
  - IV Pusat pengembangan agama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
23. Apakah manfaat sistem naungan dalam Kesultanan Johor Riau kepada para pedagang?
- A Pedagang diberikan pelepasan membayar cukai
  - B Pedagang mendapat hasil yang lumayan
  - C Pedagang dapat belayar tanpa gangguan di Selat Melaka
  - D Pedagang mendapat layanan istimewa daripada pembesar
24. *Sulalatus Salatin* merupakan salah satu karya agung. Apakah kepentingan naskhah *Sulalatus Salatin*?
- A Disusun oleh Tun Seri Lanang
  - B Mengisahkan kepahlawanan Hang Tuah
  - C Mengisahkan asal usul keturunan raja Melaka
  - D Mencatatkan keagungan Kesultanan Johor Riau

## Bab 7 Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

25. Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Pahang.

Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad ditabalkan sebagai sultan Pahang pada 12 Disember 1884.

Apakah kepentingan pertabalan tersebut?

- A Pahang bebas daripada naungan Johor
- B Muncul kesultanan baharu yang berdaulat
- C Pahang bebas daripada Kesultanan Melayu Melaka
- D Pahang muncul sebagai kuasa penting di Alam Melayu

26. Apakah sumbangan Sultan Zainal Abidin III dalam Kesultanan Terengganu?
- Menubuhkan mahkamah syariah
  - Menggubal undang-undang tubuh kerajaan
  - Menggalakkan perkembangan kegiatan persuratan
  - Membebaskan Terengganu daripada penjajah British
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
27. Apakah sistem pemerintahan yang diamalkan oleh Kesultanan Perak?
- Sistem penggiliran
  - Pelantikan Raja Muda
  - Sistem pewarisan takhta
  - Majlis Mesyuarat Kerajaan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
28. Adat melenggang perut merupakan salah satu warisan Kesultanan Melayu Melaka. Mengapakah adat tersebut diamalkan oleh masyarakat?
- A** Memastikan bayi dalam kandungan sihat  
**B** Acara kesyukuran sempena kelahiran bayi  
**C** Proses menamakan bayi yang akan dilahirkan  
**D** Membetulkan kedudukan bayi dalam kandungan

## Bab 8 Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

29. Senarai berikut merupakan legenda pemerintahan Raja Perempuan dalam kerajaan Alam Melayu.

- Puteri Saadong
- Che Siti Wan Kembang

Di manakah mereka memerintah?

- A** Kedah  
**B** Pattani  
**C** Kelantan  
**D** Terengganu
30. Mengapakah Perlis menghantar bunga emas kepada Siam setiap tiga tahun?
- Bayaran cukai
  - Tanda persahabatan
  - Jaminan keselamatan
  - Mengukuhkan hubungan diplomatik
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

31. Yamtuan Antah merupakan antara pemerintah yang masyhur dalam kerajaan Negeri Sembilan. Apakah sumbangan beliau?
- A Membangunkan negeri
  - B Meningkatkan barang dagangan
  - C Mengelakkan campur tangan kuasa luar
  - D Menguatkuasakan undang-undang syarak
32. Apakah nilai yang diperoleh daripada kekayaan hasil bumi yang terdapat di negeri-negeri Melayu?
- A Kegigihan
  - B Kesyukuran
  - C Kebijaksanaan
  - D Kemakmuran ekonomi negara

## Bab 9 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

33. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang sistem pemerintahan beraja di negeri Kedah?
- I Menggunakan gelaran Raja
  - II Menggunakan gelaran Sultan
  - III Pelantikan putera Sultan sebagai pengganti
  - IV Pelantikan Sultan berdasarkan sistem penggiliran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
34. Senarai berikut menunjukkan adat istiadat diraja kerajaan Melayu.

- Majlis Pemsyukuran
- Istiadat pertabalan
- Penganugerahan Bintang dan Darjah Kebesaran

Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui adat istiadat tersebut?

- A Membezakan status raja
  - B Memperlihatkan kuasa raja
  - C Mengukuhkan kedudukan raja
  - D Mengabsahkan kedaulatan raja
35. Apakah kelebihan hukuman dalam Adat Perpatih?
- A Setimpal
  - B Bersifat pemulihan
  - C Tiada belas kasihan
  - D Mengenakan denda yang berat
36. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan salah satu pemimpin dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih.

- Memilih Undang dan Penghulu
- Mengurus pembahagian harta pusaka

Siapakah pemimpin tersebut?

- A Buapak
- B Ibu Soko
- C Lembaga
- D Anak buah



**Bab 10 Sarawak dan Sabah**

37. Mengapakah wujudnya kepimpinan kesukuan yang berdasarkan kaum-kaum tertentu di Sabah?
- A Kepelbagaian etnik
  - B Kawasan pedalaman sukar ditadbir
  - C Penduduk Sabah tidak mempunyai raja
  - D Kewujudan petempatan di kawasan pedalaman

38. Senarai berikut merupakan kegiatan ekonomi masyarakat di Sarawak.

- Mengutip hasil hutan
- Memburu haiwan liar
- Menanam padi

Apakah kaum yang menjalankan kegiatan ekonomi tersebut?

- A Kayan
  - B Bisaya
  - C Bidayuh
  - D Melanau
39. Apakah peranan Tiang Totem kepada kaum Orang Ulu di Sarawak?
- A Pengamalan animisme
  - B Memperlihatkan keunikan seni
  - C Melambangkan status masyarakat
  - D Sumber rezeki daripada pelancong asing
40. Gambar berikut merupakan tarian Magunatip yang ditarikan oleh kaum di Sabah.



Apakah kaum tersebut?

- A Iban
- B Bisaya
- C Murut
- D Bidayuh

## Bahagian B

### Bab 1 Kerajaan Alam Melayu

1. Kerajaan Alam Melayu muncul sezaman dengan kerajaan-kerajaan luar yang lain.

(a) Nyatakan **tiga** kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Alam Melayu pada abad ke-14.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Apakah kepentingan hubungan luar kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan sezaman?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[3 markah]

(c) Sebagai generasi muda, apakah yang perlu dilakukan untuk memelihara hubungan baik dengan negara lain?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_


\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

### Bab 3 Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

2. Gambar di bawah menunjukkan tulisan Palava yang digunakan oleh kerajaan Alam Melayu.



(a) Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang menggunakan tulisan tersebut.

---

---

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan sistem tulisan kepada masyarakat kerajaan Alam Melayu.

---

---

---

---

[4 markah]

(c) Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah dalam meningkatkan bidang penulisan kreatif di sekolah?

---

---

---

---

[4 markah]

## Bab 5 Kesultanan Melayu Melaka

3. Kesultanan Melayu Melaka telah berkembang menjadi kerajaan yang gemilang di Alam Melayu.

(a) Apakah faktor kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka?

---

---

---

[3 markah]

(b) Nyatakan peranan raja dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

---

---

---

[3 markah]

(c) Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah kita dapat mengekalkan kegemilangan negara?

---

---

---

---

[4 markah]

**Bab 7 Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor**

4. Kesultanan Terengganu, Pahang, Perak dan Selangor memiliki keunikan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang merangkumi sistem pemerintahan, agama Islam dalam pemerintahan, perundangan, adat istiadat, persuratan dan ekonomi.

(a) Nyatakan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di Terengganu dalam aspek sistem pemerintahan.

---

---

---

---

[3 markah]

(b) Pengekalan warisan Kesultanan Melayu Melaka memberikan kesan kepada masyarakat. Jelaskan pernyataan tersebut.

---

---

---

---

[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah peranan generasi muda dalam mempertahankan pemerintahan beraja di negara kita?

---

---

---

---

[4 markah]

## Bab 10

5. Gambar di bawah menunjukkan masyarakat bumiputera yang mendiami Sabah.



(a) Senaraikan **tiga** kaum yang mendiami Sabah.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Nyatakan perayaan yang disambut oleh masyarakat di Sabah dan tujuan mereka menyambut perayaan tersebut.

---



---



---



---

[4 markah]

(c) Salah satu keunikan negara kita ialah perayaan sesuatu kaum dapat disambut dengan meriah walaupun tinggal dalam kelompok yang terdiri daripada pelbagai kaum.  
Pada pandangan anda, bagaimanakah cara mengekalkan keharmonian dalam negara kita?

---



---



---



---

[3 markah]

## Bahagian

### Bab 2 Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

1. Kerajaan Alam Melayu menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi.
  - (a) Jelaskan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu. [6 markah]
  - (b) Hasil hutan dan hasil laut masyarakat kerajaan Alam Melayu mendapat permintaan yang tinggi daripada pedagang asing.  
Terangkan jenis dan kegunaan hasil hutan dan hasil laut tersebut. [6 markah]
  - (c) Pada pandangan anda, apakah peranan kerajaan dalam mengkomersialkan hasil hutan di negara kita ke peringkat antarabangsa? [8 markah]

### Bab 4 Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu


2. Keunikan warisan kerajaan Alam Melayu telah menjadikan tamadun Melayu gemilang seperti tamadun-tamadun dunia yang lain.
  - (a) Kebijaksanaan pemerintah memilih dan membangunkan pusat pentadbiran merupakan salah satu ciri unik yang membolehkan kerajaan Alam Melayu berkembang dengan pesat dan bertahan lama.  
Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh pemerintah kerajaan Alam Melayu. [6 markah]
  - (b) Huraikan kebijaksanaan pemerintah kerajaan Alam Melayu dalam memajukan ekonomi kerajaannya. [6 markah]
  - (c) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dijalankan pada hari ini bagi memastikan ekonomi negara kita terus mampan? [8 markah]

### Bab 6 Kesultanan Johor Riau

3. Kesultanan Johor Riau menghadapi pelbagai cabaran untuk mempertahankan kedaulatannya.
  - (a) Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau. [6 markah]
  - (b) Terangkan strategi pemerintah Kesultanan Johor Riau dalam menghadapi cabaran yang menggugat kedaulatannya. [8 markah]
  - (c) Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada pemerintah Kesultanan Johor Riau dalam mengekalkan kedaulatannya? [6 markah]

**Bab 8 Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis**

4. Rajah berikut menunjukkan bentuk hubungan yang terjalin antara kerajaan Alam Melayu.



- (a) Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis menjalinkan hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang lain bagi memantapkan kedudukannya.  
Huraikan asas-asas hubungan tersebut. [6 markah]
- (b) Jelaskan hubungan perdagangan antara Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain menerusi pembinaan pelabuhan dan hasil perdagangan tempatan. [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain? [6 markah]

**Bab 9 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis**

5. Sistem pentadbiran adat di Negeri Sembilan menggunakan sistem Adat Perpatih.

- (a) Jelaskan keunikan Adat Perpatih dari aspek berikut:
- (i) Jurai keturunan [3 markah]
- (ii) Pelaksanaan hukuman [3 markah]
- (b) Jelaskan pelantikan pemimpin dalam Adat Perpatih. [6 markah]
- (c) Pelantikan pemimpin di Negeri Sembilan dibuat secara muafakat.  
Bincangkan kebaikan amalan muafakat. [8 markah]